



Utama	Profil Kementerian ▾	Piagam Pelanggan
-------	----------------------	------------------

Hubungi Kami ▾

Utama Arkib 2017 Petikan Akhbar Sinar Harian - GST, Struktur Subsidi Beri Manfaat

Sinar Harian - GST, Struktur Subsidi Beri Manfaat

🕒 Rabu, Mac 15 2017



GST, struktur subsidi *beri manfaat*

KUALA LUMPUR - Pelaksanaan 'rasionalisasi subsidi serta GST merupakan langkah produktif dan progresif yang memberi manfaat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, walaupun dalam persekitaran global mencabar dan penurunan harga minyak mentah, Malaysia berjaya catat pertumbuhan mampan 4.2 peratus pada tahun lalu, angka yang dicemburui oleh banyak ekonomi maju.

Menurutnya, pelaksanaan rasionalisasi subsidi dan GST merupakan keputusan sukar.

"Ramai menasihati saya supaya menolak langkah ini, namun kami bukan sebuah kerajaan populis.

"Sudah tentu kami mahu memenangi pilihan raya, namun kami juga perlu pertimbang semua keperluan untuk membuat keputusan tepat. Tidak disukai (dan) tidak popular, namun ia adalah keputusan yang tepat," katanya semasa pelancaran Hab

Pertubuhan Antarabangsa Suruhanjaya Sekuriti (IOSCO) Asia Pasifik, semalam.

Najib berkata, pelaksanaan GST dan rasionalisasi subsidi bukan sentiasa menjadi tindakan popular diambil, namun kerajaan berpendapat ia langkah wajar.

Kerajaan memperkenalkan enam peratus GST mulai 1 April, 2015 untuk memperluaskan asas cukai serta mengurangkan pergantungan kepada perolehan minyak dan gas kepada 14 peratus berbanding 41 peratus pada 2009.

Najib berkata, India merancang melaksanakan GST pada kadar 23 peratus bulan depan manakala Arab Saudi juga akan memperkenalkan pencukaian itu pada 2018.

Beliau berkata, Program Transformasi Ekonomi Malaysia, yang diperkenalkan pada 2010, turut menunjukkan hasil pencapaian ketara. "Kemiskinan telah hampir dibasmi, 1.8 juta pekerjaan diwujudkan dan Pendapatan

Negara Kasar meningkat hampir 50 peratus," katanya.


Najib berkata, Malaysia melabur secara besar-besaran untuk membolehkan infrastruktur dan teknologi inovatif meningkatkan skala pengeluaran dan produktiviti, memandangkan adalah penting untuk memodenkan dan memajukan nilai rantai industri.

"Dalam dunia kompetitif hari ini, pertumbuhan ekonomi kami perlu konsisten dan mampan bagi jangka panjang di samping berupaya mengekalkan trajektorinya dalam semua fasa kitaran perniagaan dan kewangan.

"Oleh itu, kami berusaha untuk membina daya tahan dalam struktur ekonomi kami melalui kepelbagaian, merangkumi eksport komoditi sehinggalah kepada pembuatan dan perkhidmatan, serta mengukuhkan dan menstabilkan institusi kami," katanya.

Untuk melangkah maju, Najib berkata, ekono-

SH 15/3



Najib melihat logo International Organisation of Securities Commission (IOSCO) Asia Pacific Hub yang baru dilancarkan di Suruhanjaya Sekuriti, semalam.

mi Malaysia bersedia untuk prospek yang lebih baik pada masa depan, dengan aktiviti perdagangan lebih rancak, prestasi eksport dan permintaan domestik lebih baik menjadi faktor pemacu

utama.

"Pencapaian pertumbuhan Malaysia telah dan akan terus disokong oleh pasaran modal yang kukuh.

Pasaran modal akan kekal sebagai sumber tidak

ternilai pembiayaan jangka panjang kepada perniagaan dan teroka pembangunan selain sebagai satu cara untuk pelabur membuat dan melindungi kekayaan," katanya. - Bernama



- BISNES
- AGENSI
- WARGA

Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan Atas Talian



Aplikasi Mudah Alih

Laman Mikro



e-Penyertaan & Maklumbalas



Statistik & Prestasi



Pautan



Agensi



Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ [pro\[at\]treasury\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:pro[at]treasury[dot]gov[dot]my)



© **Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: **23 Januari 2020** | Jumlah Pelawat: **27637216**

